

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2021/2022

Februari/Mac 2022

HSM502 - Sejarah Politik Malaysia

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Jika calon menjawab menjawab lebih daripada TIGA (3) soalan hanya TIGA (3) soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. "Kaum Muda adalah kelompok agama yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan kesedaran politik orang Melayu khususnya dalam tempoh 1900-1941. Tanpa peranan mereka, orang Melayu mungkin tidak akan mempunyai kesedaran politik dan nasionalisme lebih awal." **Bersetujukah** anda dengan pernyataan tersebut?

[100 markah]

2. "Nasionalisme dalam pengertian yang sebenar tidak pernah wujud di Tanah Melayu hingga menjelang pendudukan Jepun. Tentangan-tentangan awal masyarakat peribumi terhadap campur tangan asing sebelum 1941 lebih didorong oleh kepentingan diri dan sikap kepimpinan tradisional yang tidak mahu menerima perubahan." **Nilaikan** kebenaran pernyataan tersebut.

[100 markah]

3. "Pandangan alternatif yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji sejarah Pasca-Revisionis menekankan kepentingan untuk melihat Darurat sebagai satu reaksi British bagi menghadapi ancaman gerakan nasionalis kiri-agama Melayu berbanding ancaman komunis yang dikuasai oleh minoriti orang Cina." Dengan menggunakan hujah-hujah sarjana Pasca-Revisionis, **tafsirkan** bagaimana pandangan mereka boleh dipertahankan.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian B

4. "Penubuhan Malaysia 1963 adalah berpunca daripada idea Lee Kuan Yew berbanding Tunku Abdul Rahman dan sememangnya dicetuskan bagi memenuhi semua agenda Lee Kuan Yew dan People's Action Party (PAP) di bawah pimpinannya." **Bina-hujahan sama ada bagi menyokong atau menolak dakwaan tersebut.**

[100 markah]

5. "Walaupun dikaitkan dengan peranan kelompok pembangkang yang radikal dan anasir komunis, peristiwa 13 Mei 1969 lebih menggambarkan kesan-kesan yang berpunca daripada kelemahan kepimpinan politik dan keputusan-keputusan yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah British dan kemudiannya Perikatan." **Bincangkan kebenaran pernyataan tersebut.**

[100 markah]

6. Di sebalik retorik dan dakwaan bahawa penubuhan sayap-sayap wanita adalah untuk memperjuangkan hak kaum wanita, setiap sayap wanita yang diwujudkan oleh parti-parti politik utama di Tanah Melayu dalam tempoh sebelum merdeka adalah kekal berada di bawah telunjuk parti induk masing-masing. Berdasarkan pernyataan tersebut, **huraikan tujuan sebenar wanita dilibatkan dalam politik dan kekangan yang dihadapi oleh kelompok ini dalam mengukuhkan sayap wanita yang mereka terajui.**

[100 markah]

- oooOooo -